



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU PENCAPAIAN  
BANDAR RENDAH KARBON DAN BANDAR PINTAR**

### **OLEH**

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**24 OKTOBER 2021 (AHAD)  
2.30 PETANG**

**DEWAN KENANGA MENARA MBSP  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,  
Perancangan Bandar & Desa

Saudara WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Warga Kerja**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada petang ini dalam Majlis Pelancaran Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar.

Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir walaupun di hujung minggu untuk melancarkan Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar; dan Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa yang turut Bersama-sam petang ini.

Terima kasih juga kepada Saudara WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP

yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan atas usaha dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap Datuk Bandar dan MBSP.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mensasarkan untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022, Bandaraya Neutral Karbon pada 2030, iaitu sepuluh tahun bermula daripada Januari 2020 dan Bandaraya Sifar Karbon pada 2050. MBSP juga komited untuk berkerja bersama-sama dengan bandaraya-bandaraya di seluruh dunia untuk menangani perubahan iklim dan menghadkan pemanasan global pada tahap  $1.5^{\circ}\text{C}$ . Dengan demikian, MBSP merancang untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandaraya terbaik di Malaysia dalam aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Sasaran yang tinggi memerlukan halatuju strategik yang jelas dan pragmatik, sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang mengandungi sepuluh (10) keutamaan strategi, 85 program, 201 aktiviti dan KPI diwujudkan. Ianya merupakan rancangan jangka panjang untuk memenuhi harapan, kehendak dan keperluan warga

Seberang Perai dan juga untuk meningkatkan lagi perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan pembangunan infrastruktur dengan cekap, berkesan dan responsif terhadap keperluan masyarakat Seberang Perai.

Di samping perancangan strategik jangka panjang 2018-2022, MBSP melaksanakan *Performance Management* bagi memastikan pelan tindakan, aktiviti dan *output* mencapai sasaran MBSP serta menyatukan organisasi iaitu MBSP, dengan sumber manusia yang akan menyampaikan perkhidmatan. *Performance Management Cycle* adalah kitaran yang bermula dengan perancangan (*Planning*), pemantauan (*Monitoring*), semakan semula (*Reviewing*) dan ganjaran (*Rewarding*). Justeru, pada petang bersejarah ini, menjelang tahun 2022, Datuk Bandar dengan sukacitanya membentang *report card* pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar supaya pengurusan MBSP dan *stakeholder* dapat menilai status masa kini dan merancang tindakan strategi seterusnya bagi mencapai wawasan rakyat pada penghujung tahun 2022.

## **KANDUNGAN REPORT CARD**

### **1.0 Pencapaian Sebelas (11) KPI Bandar Rendah Karbon Dan Bandar Pintar Seberang Perai**

KPI atau *key performance indicator* adalah petunjuk yang digunakan untuk mengukur pencapaian sasaran MBSP untuk menjadi Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar pada tahun 2022.

1. Perkhidmatan *cyber counter* - MBSP telah berjaya menyediakan 100 perkhidmatan di *cyber counter* dan telah dilancar dan dilaksanakan pada 16 Jun 2020, berbanding dengan hanya 11 perkhidmatan yang disediakan di *cyber counter* pada tahun 2019.
2. Penanaman pokok bagi menyerap karbon dan menghasilkan oksigen - Sebanyak 97,981 pokok telah berjaya ditanam berbanding sasaran 100,000 pokok pada tahun 2022.
3. Kitar semula - Kadar kitar semula Seberang Perai mencapai 55.9% pada tahun 2020, adalah yang tertinggi di Malaysia, berbanding 42.6% pada tahun 2016.

4. Pengurusan sisa pepejal - Penjanaan sisa pepejal telah berkurang iaitu 1.48 kg per kapita, berbanding 1.6 kg per kapita pada tahun 2016.
5. Pengawalan penghasilan gas rumah hijau (GHG) - Pengurangan penghasilan gas rumah Hijau (GHG) iaitu 6.0 tan CO<sub>2</sub>eq berbanding 8.0 tan CO<sub>2</sub>eq pada tahun 2016.
6. Penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE) - Seberang Perai dalam proses memastikan 15% tenaga elektrik yang digunakan, dijana dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) menjelang tahun 2030.
7. Penggunaan lampu jalan LED - MBSP dalam proses penggantian 100% lampu jalan jenis LED, menjelang tahun 2022, dengan itu penggunaan tenaga elektrik untuk pencahayaan dapat dikurangkan sebanyak 50% dan mengurangkan pelepasan karbon hasil dari penjanaan elektrik,
8. Mengenal pasti tujuh (7) CBD - Seberang Perai telah mengenalpasti tujuh (7) CBD untuk menerajui konsep pembangunan berorientasikan transit (*Transit Oriented*

*Development) iaitu di Kepala Batas, Bandar Bertam, Butterworth, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Bandar Cassia dan Nibong Tebal.*

9. Melaksanakan *20 Minutes Neighbourhood* - MBSP telah melaksanakan *20 Minutes Neighbourhood* Bandar Perda yang sekarang ini dalam proses 90% siap dan akan mewujudkan tujuh (7) *20 Minutes Neighbourhood* menjelang tahun 2030.
10. *Road Map Circular Economy* - MBSP telah berjaya melancarkan *Roadmap Ekonomi Sirkular Seberang Perai* pada 19 September 2020.
11. *Circular Economy Action Plan* - MBSP telah berjaya melancarkan Pelan Tindakan Ekonomi Sirkular Seberang Perai pada 2 Oktober 2021.

## **2.0 30 program Bandar Rendah Karbon Dan Bandar Pintar Seberang Perai telah dilaksanakan, 25 program daripada 30 program adalah inisiatif digital berimpak tinggi.**

*Methodology* terbaik dalam menentukan hala tuju strategik adalah kembali kepada rakyat. Plan tindakan Strategik MBSP yang direncanakan mestilah menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat disamping dapat memacu kearah pembentukan *smart sustainable city* tahun 2030. Lima (5) isu rakyat yang perlu diselesaikan iaitu **banjir kilat, kesesakan lalulintas, penyampaian perkhidmatan, keselamatan dan situasi ekonomi kesan dari pandemik Covid19.**

Justeru, lima (5) tajuk strategik berpaksikan rakyat dijadikan *Domain* Bandar Pintar Seberang Perai. Sukacita saya ingin umumkan bahawa empat (4) program telah dilaksanakan dibawah Persekutaran Pintar, Sembilan (9) program dibawah Komuniti Pintar, tiga (3) program dibawah Mobiliti Pintar, lima (5) program dibawah Kerajaan Pintar dan sembilan (9) program dibawah Ekonomi Pintar, keseluruhannya tiga puluh (30) program telah dilaksanakan untuk mencapai inspirasi

rakyat ke arah Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kesimpulannya MBSP telah mencapai 80% hingga 100% KPI yang telah ditetapkan menjelang tahun 2022. Walau bagaimana pun penjanaan sampah dikalangan warga Seberang Perai iaitu diantara 1,500 tan sehari hingga 1,750 tan sehari adalah terlalu tinggi dan hendaklah dikurangkan ketahap 0.8kg perkapita sehari pada tahun 2022 supaya Seberang Perai terus mampan. Analisa data pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2019, 2020 dan 2021, menunjukkan peningkatan penjanaan sampah untuk tempoh 3 tahun yang lalu datangnya dari sektor industri, iaitu 56.9% sisa industri manakala 41% adalah sisa domestik. Maka pada tahun 2022, MBSP akan melaksanakan strategi “Sustainable waste management” dimana sektor industri dikehendaki menghadkan penghasilan sampah ke tahap optima, pengasingan sampah dipunca akan dipertingkatkan, NGO, MPKK, RA akan diberi lesen untuk menjadi agen kutipan barang *recycle*, Semua syarikat *hauliers* dikehendaki memiliki permit pelupusan sampah bagi setiap lori dan setiap *trip* pelupusan dikenakan fee RM10. MBSP akan memasang *GPS tracker* pada 1,700 kenderaan pengangkut sampah milik *hauliers* dan 78 *compactor* milik MBSP. MBSP akan memberi fokus kepada

*Circular Economy* dalam sektor pengurusan sisa pepejal dimana *RFP* telah pun dipanggil untuk mendapatkan cadangan pembangunan *waste processing treatment centre* di Stesen Pemindahan Ampang Jajar yang menggunakan teknologi AI, IoT, *cloud computing* yang meluas mulai tahun 2022. *Waste treatment* kepada sampah yang masuk ke Stesen Pemindahan Ampang Jajar akan menghasilkan nilai tambah untuk menjana ekonomi sirkular dan kecekapan dalam penggunaan sumber yang terhad. Sesungguhnya jika pengurusan sisa pepejal dapat diurus dengan baik, kelestarian alam sekitar dipelihara, penggunaan tenaga yang mampan, sistem mobiliti yang cekap dan mesra alam, rakyat boleh mengambil bahagian dan memberi pandangan dalam pengurusan bandar melalui platform *smart* komuniti, maka pada ketika itu Seberang Perai adalah *smart city* dibangunkan oleh *smart people* dan menjadi *Smart Sustainable City* yang menjadi inspirasi bandar masa hadapan,

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan  
Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus-lumus bagi menghasilkan Buku Pencapaian Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar Seberang Perai.

Terima kasih tidak terhingga juga kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang; serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai yang memberikan sokongan padu dan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**